

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan : -

(a) berapa jumlah dan nilai kontrak perolehan Kerajaan dipecah mengikut Kementerian yang diberikan oleh Kerajaan sejak 15 Mac 2020 hingga 15 Ogos 2021; dan

(b) berapa jumlah nilai secara rundingan terus mengikut Kementerian pada tempoh yang sama dan senaraikan syarikat-syarikat yang dilantik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, senarai perolehan Kerajaan mengikut kementerian boleh diakses melalui Portal MyProcurement di mana semua kementerian telah diminta untuk mengemaskini Perancangan Perolehan Tahunan masing-masing di dalam portal tersebut.
2. Manakala, Kerajaan telah menetapkan lima (5) kriteria bagi pertimbangan perolehan secara rundingan terus iaitu melibatkan kesegeraan atas kepentingan awam, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan keselamatan/strategik atau kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera sepertimana yang dinyatakan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PP/PK7.15: Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.
3. Semua permohonan yang dikemukakan akan dinilai dan diteliti secara menyeluruh daripada pelbagai aspek bagi memastikan kelulusan rundingan terus yang diberikan tetap melindungi kepentingan Kerajaan serta tidak menjaskan kerancakan perkembangan ekonomi. Kerajaan juga melaksanakan *due diligence* yang sewajarnya bagi memastikan hanya projek yang benar-benar memenuhi kriteria tersebut boleh dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.